

KURSUS SIJIL KOMPETENSI - STAAD.PRO - STRUCTURAL ANALYSIS SOFTWARE

Parit Raja, 22-23 Julai 2025 - Jabatan Pengurusan Pembinaan (JPP) FPTP dengan kerjasama PiTC dan Bitara UTHM telah berjaya menganjurkan kursus sijil kompetensi STAAD.PRO, satu perisian yang sering digunakan dalam industri pembinaan untuk analisis struktur. Program ini adalah seperti ketetapan berikut:

Penyertaan : Pelajar BPC Thn 2

Masa : 8.00 pagi - 5 petang

Tempat : FPTP Makmal Komputer PTM1 Blok B

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta terhadap penggunaan perisian analisis struktur terkini yang selari dengan amalan industri, bagi mengaplikasikan teori dalam penilaian beban, tegasan dan kestabilan struktur konkrit dan keluli.

Program ini juga bermatlamat untuk memberi nilai tambah yang signifikan kepada mata pelajaran yang telah mereka pelajari iaitu Analisis Struktur (BPD 20403) dengan memperkenalkan aplikasi sebenar perisian analisis berkomputer, STAAD.Pro.

Pendedahan kepada perisian STAAD.Pro membolehkan peserta menghubungkan teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah dengan aplikasi dan simulasi bidang pembinaan yang terkini sekali gus mengukuhkan pemahaman dan meningkatkan tahap kompetensi mereka dalam menjalankan analisis struktur secara profesional.

Sebagai rumusan, program ini telah menghasilkan sejumlah 30 orang peserta yang lulus dan dianugerahkan sijil kompetensi sebagai bukti keupayaan mereka dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.

Setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat serta jutaan terima kasih di atas sokongan penuh daripada semua pihak.



Certificate of Competency STAAD.Pro - Structural Analysis Software

Date : 22 - 23 July 2025

Venue : Faculty of Technology Management and Business, UTHM Parit Raja

Fee : RM320 (FPTP Students)



TRAINER :

Assoc. Prof. Dr Andri Kusbiantoro
Faculty of Engineering Technology

Organised by



Contact us:
Dr Hilyati Bt Sabtu @Othman
(hilyati@uthm.edu.my)



